

**Malaysia Berupaya Tangkis Kejutan Drp Ketidakstabilan Kewangan Luar Negara
Bernama
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Moody's Investors Service berkata Malaysia dapat bertahan dalam menangkis kejutan akibat ketidakstabilan kewangan luar negara hasil kedudukan kewangan dan pembiayaan luarnya yang kukuh selain simpanan domestik yang banyak.

Bagaimanapun, katanya kemasukan portfolio bersih ke Malaysia pada 2010-2013 (diberi penarafan A3 positif) mengatasi jumlah pada dekad yang lepas, menunjukkan ia terdedah kepada penurunan mendadak.

Agensi penarafan itu berkata keadaan naik turun dalam pasaran kewangan dan tekanan terhadap pasaran mata wang ekonomi pesat membangun baru-baru ini, mendedahkan pasaran membangun itu terhadap keadaan tidak menentu yang berpanjangan.

Dalam satu kenyataan pada Rabu, ia berkata negara yang mempunyai dagangan luar yang tidak seimbang, bergantung kepada pembiayaan luar dan rangka dasar yang lemah, mudah terjejas terhadap perubahan sentimen, pelarasan aliran modal atau reaksi pasaran yang tidak menentu.

Menurut laporan Moody's bertajuk 'Pendedahan Luar, Alasan dan Sokongan Kredit', pertunjuk utama kepada pendedahan luaran, termasuklah defisit akaun semasa yang besar, simpanan tukaran asing yang rendah, keperluan pinjaman kasar kerajaan yang besar dan hutang bersandarkan mata wang asing sebagai sebahagian daripada hutang kerajaan.

Moody's berkata pasaran modal Malaysia yang besar, rizab asing yang tinggi (berjumlah US\$130.6 bilion pada Februari 2014) dan struktur hutang yang baik menghalangnya daripada gangguan hutang bukan pemastautin.

Ia juga berkata hutang kerajaan mempunyai terma kematangan yang panjang dan kurang terjejas terhadap risiko pembiayaan semula dengan hampir dua pertiga stok hutang mempunyai masa kematangan tiga tahun atau lebih.

Ia menambah bahawa lebih akaun semasa Malaysia dan asas pelabur institusi domestik menunjukkan penyerapan bertambah sekuriti kerajaan oleh pelabur asing tidak menggambarkan pergantungan yang besar kepada pembiayaan luar.

Bagaimanapun, Moody's berkata defisit fiskal Malaysia terus meningkat berbanding negara lain yang memperoleh penarafan A manakala bebanan hutang pada 54.8 peratus KDNK pada 2013 mungkin menghalang perubahan dasar.

Pergantungan hasil kerajaan kepada minyak dan gas mendedahkan Malaysia kepada perubahan dalam permintaan di pasaran tenaga yang membangun dan harga komoditi, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025154>